

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PROJEK ANIMASI PENDEK 2D *CHEF AHMAS*:
PENEKANAN PERGERAKAN WATAK
MELALUI TEKNIK *ROTOSCOPING***

NORFARHANA DIYANI BINTI MOHD ROSLI

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah
**Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian)
Animasi dan Teknologi Skrin**

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Mac 2016

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM, SELANGOR**

SESI: MAC 2016 – JULAI 2016

DENGAN INI MENGESAHKAN

NORFARHANA DIYANI BINTI MOHD ROSLI

2013806388

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH
YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA AKADEMIK
FAKULTI.**

TARIKH

.....

PENYELIA

ENCIK SUHAIMI BIN JUHAN

.....

DEKAN

DATO' PROFESOR A.RAZAK HJ. MOHAIDEEN

.....

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya pihak lain yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Norfarhana Diyani Binti Mohd Rosli
No. Pelajar : 2013806388
Program : Animasi & Teknologi Skrin (FF227)
Fakulti : Filem, Teater Dan Animasi
Tajuk Kajian : Projek Animasi Pendek 2D *Chef Ahmas*:
Penekanan pergerakan watak melalui teknik
rotoscoping

Tandatangan Pelajar :
Tarikh : Julai 2016

PENGHARGAAN



Segulung penghargaan dan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas keredhaan dan rahmatnya, segala puji bagi Allah S.W.T dengan limpah kurnia-Nya, saya telah berjaya menyiapkan penulisan tesis ini dengan teratur dan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu, Norasikin Binti Iznan, ayah, Mohd Rosli Bin Mohd Othman serta kesemua adik beradik saya kerana sentiasa mengiringi saya dengan doa-doa dan dorongan sepanjang proses menjayakan projek dan tesis ini. Tanpa doa-doa dan dorongan daripada mereka, tugas ini tidak dapat diselesaikan dengan jayanya.

Tidak lupa juga kepada Penyelia Tesis Sarjana Muda saya, iaitu Encik Suhaimi Bin Juhan. Beliau merupakan individu yang banyak membantu saya dalam proses menyempurnakan projek dan tesis saya dari permulaan sehingga pengakhiran proses. Alhamdulillah, segala yang dirancang berjalan lancar dan segala masalah yang dihadapi berjaya diselesaikan dengan baik atas bantuan dan lukisan pandangan beliau.

Ribuan terima kasih juga kepada sahabat yang terlibat dalam memberi pendapat, idea dan sudi berkongsi pengetahuan sepanjang proses menjayakan projek dan tesis ini. Antara individu yang banyak membantu dalam proses menjayakan projek animasi pendek 2D *Chef Ahmas* ialah Encik Hakim Ruzali, Raja Muhammad Afiq, Muhammad Naiim, Amir Mustaqim dan juga Anis Suraya. Tanpa idea dan pandangan mereka, *Chef Ahmas* mungkin tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NORFARHANA DIYANI BINTI MOHD ROSLI

Fakulti Filem, Teater Dan Animasi,
Universiti Teknologi Mara,
Kampus Puncak Perdana,
Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan bagaimana pergerakan watak animasi diaplikasikan melalui teknik *rotoscoping*. Teknik *rotoscoping* dianggap satu teknik yang mengenakan pergerakan animasi yang terhad kerana menangkap semula pergerakan yang realistik. Namun, animasi 2D *Thought of You* (2010) oleh Ryan Woodward telah menarik perhatian penonton. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana pergerakan animasi itu dapat dihasilkan selain daripada mengaplikasikan 12 prinsip animasi. Teknik *rotoscoping* yang digunakan secara visual oleh Woodward diwacanakan dalam kajian ini. Secara umum, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara lakonan animasi dan penghasilan pergerakan. Walaupun begitu, 12 prinsip animasi tidak boleh diketepikan. Penggunaan teknik *rotoscoping* berpotensi mencipta pergerakan animasi yang baik kerana terdapat gabungan antara lakonan animasi dan juga 12 prinsip animasi. Oleh itu, hasil daripada kajian ini diaplikasikan ke dalam projek animasi pendek 2D *Chef Ahmas*.